

Kelas tuisyen Emas untuk pelajar SPM di KUTKM

Archival News | Utusan Malaysia | 12/02/2005

MELAKA 11 Feb. - Biro Pendidikan Pergerakan Pemuda UMNO Negeri menganjurkan kelas tuisyen Emas untuk para pelajar yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun ini di Kolej Universiti Teknikal Malaysia (KUTKM) di sini bermula Mac ini.

Pengerusinya, Noor Azman Rahman berkata, peluang mengikuti kelas tuisyen berkenaan hanya dibuka kepada calon SPM yang berpotensi dalam pelajaran, tetapi tidak berkemampuan untuk mengikuti tuisyen berbayar.

Jelasnya, tuisyen berkenaan akan melibatkan enam tenaga pengajar di satu-satu tempat dan mereka terdiri daripada pakar dalam Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains pada peringkat sekolah menengah.

Beliau memberitahu, mengikut perancangan awal, tuisyen berkenaan akan diadakan di enam kawasan par-limen iaitu Alor Gajah, Taboh Naning, Tangga Batu, Kota Melaka, Jasin dan Bukit Katil.

"Buat permulaan, kita akan meng-gunakan kampus KUTKM di Ayer Keroh dan Durian Tunggal sebagai pusat tuisyen emas memandangkan semua kemudahan pengajaran dan pembelajaran di situ lebih lengkap.

"Pihak kami juga berfikir untuk me-nawarkan perkhidmatan bas kepada para pelajar di kawasan pedalaman untuk mengikuti tuisyen berkenaan," katanya kepada Utusan Malaysia ketika dihubungi di sini hari ini.

Tuisyen Emas mula diadakan pada tahun 2003 dan ia dihentikan pada tahun lalu kerana tidak mempunyai dana yang mencukupi.

Bagi menjayakan tuisyen berkenaan, Biro Pendidikan Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Melaka memerlukan lebih RM15,000 untuk memulakan kelas tuisyen berkenaan sepanjang tahun ini.

Tambah Noor Azman, pihaknya cuba menghidupkan semula kelas tuisyen Emas pada tahun ini setelah mendapati kelas yang dijalankan pada 2003 telah memberi kesan yang amat memberangsangkan.

"Pada 2003, hampir 50 peratus para pelajar mencapai keputusan yang cemerlang dan memperoleh gred 'A' dalam mata pelajaran bahasa Inggeris, Matematik dan Sains," katanya.

Para pelajar yang berminat boleh mendaftarkan nama di pejabat Pergerakan Pemuda UMNO bahagian masing-masing atau menghubungi Biro Pendidikan Pergerakan Pemuda UMNO di talian 017-6735930 atau 012-2615027.

(Source : Utusan Malaysia)